

Indonesia akui silap hadiri taklimat Keadilan

BH = 8 APR 2004

KUALA LUMPUR: Indonesia mengakui diplomatnya melakukan kesralapan apabila menghadiri taklimat tertutup anjuran Parti Keadilan Nasional (Keadilan) kerana percaya pertemuan itu sudah mendapat kebenaran Kerajaan Malaysia.

Menteri Luar Indonesia, Alwi Shihab berkata, ia berlaku disebabkan oleh kegagalan pihaknya memeriksa balas mengenai status pertemuan itu.

"Sebelum menghadiri mesyuarat itu, diplomat kami diberi jaminan

majlis itu mendapat kebenaran kerajaan," katanya kepada harian berbahasa Inggeris *The Jakarta Post*, demikian dilaporkan oleh *Bernamea* dari Jakarta semalam.

Alwi memberi jaminan kepada Malaysia bahawa tidak ada langsung motif politik di sebalik kehadiran diplomatnya pada taklimat itu kerana mereka beranggapan majlis itu akan membincangkan keadaan kesihatan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata sebagai jiran terdekat Malaysia, Indonesia tidak sekali-

● BICARA: Kedutaan asing jangan campur tangan - Muka 12

kali mahu menjejaskan hubungan baik kedua-dua negara.

"Saya yakin Malaysia faham kita tidak bemiati mencampuri urusan dalaman dan akan sentiasa menghormati kedaulatan Malaysia sebagai jiran kita," katanya.

Malaysia membidas diplomat asing kerana menghadiri taklimat Presiden

Keadilan, Datin Seri Wan Azizah itu minggu lalu, sambil menyifatkan kehadiran mereka itu sebagai mencampuri urusan dalaman.

Laporan media menyebut selain Indonesia, pegawai kedutaan asing yang hadir termasuk Australia, Britain, Kanada, Perancis, Singapura, Sepanyol, Sweden, Belanda, Amerika Syarikat,

Jerman dan New Zealand.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir membidas pertemuan itu manakala Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata beliau akan memanggil semua diplomat yang hadir itu untuk mendapatkan penjelasan.

Alwi berkata ia seharusnya menjadi satu pengajaran dan pada masa depan, diplomat Indonesia hanya boleh menghadiri mesyuarat seumpama itu yang dibenarkan oleh negara tuan rumah.